

NO. DOKUMEN : JKNJ – G – AK 13

**ARAHAN KERJA : PEMONITORAN UJIAN PETUNJUK BIOLOGIKAL BAGI
AUTOKLAF**

No. Salinan Kawalan :

Dikeluarkan Kepada :

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PP/JP PPP/PPK	<p>A. PERSEDIAAN AWAL</p> <ol style="list-style-type: none">1. Sediakan Jadual Perancangan dan Pelaksanaan Pemonitoran Ujian Petunjuk Biologiikal.2. Dapatkan bekalan ampul petunjuk biologiikal daripada Pegawai Stor. <p>B. TATACARA PELAKSANAAN UJIAN BIOLOGIKAL</p> <ol style="list-style-type: none">1. Pastikan anggota memakai PPE yang sesuai dengan prosedur kerja.2. Pastikan autoklaf telah menjalani satu kitaran pensterilan tanpa peralatan sebelum penggunaan harian.3. Semak tempoh inkubasi dan warna petunjuk Biologiikal serta tarikh luput ampul yang digunakan.4. Labelkan ampul petunjuk biologiikal. Labelkan 'C' untuk ampul control dan No. 1,2,3,4 mengikut bilangan autoklaf pada ampul petunjuk biologiikal.
PPP/PPK	

NO. DOKUMEN : JKNJ – G – AK 13

**ARAHAN KERJA : PEMONITORAN UJIAN PETUNJUK BIOLOGIKAL BAGI
AUTOKLAF**

PPP/PPK	<p>5. Ampul petunjuk biologikal perlu di <i>Pouch</i> atau <i>non-Pouch</i> sebelum steril - mengikut jenis autoklaf yang digunakan.</p> <p>6. Tempatkan ampul petunjuk biologikal di kawasan yang berketekanan rendah dalam autoklaf (bahagian hadapan pintu) bersama peralatan yang akan disteril.</p> <p>7. Laksanakan proses pensterilan.</p>
PPP/PPK	<p>8. Keluarkan ampul petunjuk biologikal dari autoklaf selepas 5 minit kitaran pensterilan selesai.</p> <p>9. Biarkan ampul menyejuk ke suhu bilik dalam tempoh maksimum 2 jam.</p>
JT/PPP/PPK	<p>10. Masukkan ampul petunjuk biologikal (control dan ampul lain) dari <i>batch</i> yang sama dalam incubator untuk proses inkubasi mengikut tempoh yang ditetapkan (ikut arahan pengeluar).</p>
PPP/PPK	<p>11. Labelkan tarikh, masa mula dan masa berakhir pada inkubator dan juga suis plug.</p> <p>12. Tunjukkan keputusan ampul petunjuk biologikal kepada penyelia untuk pengesahan sebelum merekod keputusan di dalam Borang Rekod Pemonitoran Biologikal Autoklaf (BKPJ-BK-AK13-1).</p>

NO. DOKUMEN : JKNJ – G – AK 13

**ARAHAN KERJA : PEMONITORAN UJIAN PETUNJUK BIOLOGIKAL BAGI
AUTOKLAF**

13. Pastikan ampul *control test* dan ampul yang menunjukkan keputusan petunjuk biologikal positif dimasukkan ke dalam pouch dan disteril di bahagian berketekanan tinggi dalam autoklaf sebelum dibuang ke dalam tong sisa tajam. Ampul petunjuk biologikal dengan keputusan negatif dibuang ke dalam tong sisa tajam.

14. Sekiranya terdapat autoklaf dengan keputusan ujian petunjuk biologikal positif, ulangi ujian tersebut sekali lagi. Jika keputusan masih positif, buat aduan kerosakan dengan mengisi borang aduan kerosakan.

15. Selepas pembaikan autoklaf, lakukan ujian petunjuk biologikal untuk mengesahkan status penggunaan sebelum autoklaf tersebut digunakan.

Nota:

Pemerhatian selepas pengeringan / inkubasi seperti berikut:


i. Perubahan warna **Ungu ke Kuning (Positif** – menunjukkan terdapat **pertumbuhan vegetatif** – menunjukkan **pensterilan tidak berkesan**)

ii. *Control test* akan menunjukkan keputusan positif.

iii. Tiada perubahan warna – **kekal Ungu (Negatif** – menunjukkan **pertumbuhan vegetatif tidak berlaku** – menunjukkan **pensterilan berkesan**).

NO. DOKUMEN : JKNJ – G – AK 13

**ARAHAN KERJA : PEMONITORAN UJIAN PETUNJUK BIOLOGIKAL BAGI
AUTOKLAF**

	JAWATAN	TANDATANGAN
Disediakan oleh:	Sri Irtaningsih Binti Mahzun Penyelia Juruterapi Pergigian U36	
Diluluskan oleh:	Dr Hasni Binti Md Zain Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)	